

23 SEP 1997

ANGGOTA ASEAN MESTI SALING MEMBERITAHU SEBARANG PENGUBAHSUAIAN: KATA RAFIDAH

KUALA LUMPUR, 23 Sept (Bernama) -- Anggota Asean mesti memberitahu antara satu sama lain terhadap sebarang pengubahsuaian dalam komitmen dan kewajipan Kawasan Perdagangan Bebas Asean (AFTA) serta perjanjian-perjanjian lain yang mungkin melemahkan atau membatalkan manfaat kepada negara anggota.

"Sepatutnya, setiap negara mesti memberitahu mengenai sebarang perubahan agar kita akan lebih bersedia terhadap sebarang keadaan," kata Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz, di sini hari ini.

Sebagai contohnya beliau mengambil kes Indonesia yang menaikkan tarif import bagi polietilena, produk sampingan petrokimia baru-baru ini, tetapi tidak memberitahu terlebih dahulu keputusannya itu kepada negara anggota lain.

Dalam usaha menangani langkah-langkah dan tindakan di masa depan oleh negara anggota, Mesyuarat Menteri-Menteri Ekonomi Asean (AEM) ke-29 yang akan diadakan di sini bermula daripada 16 hingga 18 Oktober ini akan meluluskan tatacara pemberitahuan, kata Rafidah.

Beliau berkata demikian di persidangan berita untuk memberikan maklumat terperinci mengenai AEM di mana Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan menyampaikan ucapatamanya.

Mesyuarat AEM itu akan membabitkan penyertaan dua anggota baru, Laos dan Myanmar, dan akan dimulakan terlebih dahulu oleh Mesyuarat Majlis AFTA ke-11 pada 15 Oktober.

Rafidah berkata tatacara itu kemudiannya akan melengkapinya Mekanisme Penyelesaian Perbalahan yang dibentuk menerusi protokol yang ditandatangani pada 20 Nov tahun lalu.

Mesyuarat itu juga akan menyemak perkembangan rundingan-rundingan untuk melonggarkan syarat perdagangan dalam perkhidmatan di kalangan anggota Asean yang dilancarkan oleh Sidang Kemuncak Asean di Bangkok pada Disember, 1995.

Keutamaan bagi pengliberalan akan memberi laluan kepada pembekal perkhidmatan daripada negara-negara Asean lain dalam tujuh sektor utama yang dikenalpasti iaitu pelancongan, telekomunikasi, pengangkutan maritim dan udara, pembinaan, perkhidmatan perniagaan dan kewangan.

Rafidah berkata mesyuarat itu juga akan mengesyorkan arah baru bagi Asean selepas tahun 2003 apabila AFTA dibentuk untuk mengeratkan integrasi ekonomi.

Dengan memberi perhatian kepada Wawasan 2020 Asean, menteri-menteri terbabit akan mengkaji pendekatan yang sepatutnya diambil oleh Asean untuk memenuhi cabaran menjelang abad ke-21, bagi mempertahankan ekonomi Asean yang berdaya saing dan dinamis, tambahnya.

Asean melahirkan komitmennya ke arah mengecilkan jurang dalam tahap pembangunan negara-negara anggota dan akan menyumbang kepada pengukuhan sistem dagangan pelbagai negara bagi mengekalkan pasaran yang adil dan terbuka serta mencapai daya saing sejagat dari segi pelaburan dan industri.

Pada mesyuarat kali ini, tiga perjanjian akan ditandatangani -- protokol kenaikan kepada perjanjian selebihnya dalam Asean, oleh Laos dan Myanmar; protokol pemberitahuan tatacara; dan protokol bagi Pakej Pertama tawaran di bawah Perjanjian Rangka Kerja Perkhidmatan.

AEM juga akan mengadakan perbincangan dengan Jepun, negara-negara Hubungan Ekonomi Rapat (CER) yang terdiri daripada New Zealand dan

Australia, serta Masyarakat Pembangunan Afrika Selatan (SADC).

Pertemuan Asean-Jepun akan menangani isu-isu biasa yang dihadapi oleh rantau ini terutamanya untuk menyemak perkembangan kegiatan kerja sama antara Asean dan Jepun dalam menggalakkan industri sokongan Asean, aktiviti pembangunan kerja sama dalam negara-negara Kemboja, Laos, Myanmar, termasuk arah masa depan dengan Kerjasama Pembangunan Lembah Asean-Mekong.

Menurut Rafidah, Asean-Jepun juga akan menekankan kepada perolehan laluan pasaran di Jepun yang sebaliknya boleh menangani isu ketidakseimbangan perdagangan dengan Jepun.

Sementara itu, hubungan AFTA-CER di bawah Perundingan Peringkat Menteri ASEAN-CER akan menumpukan kepada bahagian kedua aktiviti yang termasuk bantuan teknikal dalam perkara berkaitan kastam dan kemajuan perjanjian pengiktirafan bersama bagi piawaian dan penyesuaian.

Asean-CER juga akan meninjau peluang untuk menggalakkan rangkaian sektor swasta antara kedua-dua rantau.

Perkembangan kerja pembentukan Kawasan Pelaburan Asean (AIA) dan Kerjasama Pembangunan Lembangan Asean-Mekong (AMBDC) juga akan dibincangkan dengan lebih mendalam pada mesyuarat itu, kata Rafidah. -- BERNAMA

AA ZK MA